

# AMBEAUTIFUL DAN AMBEAUTY PENUHI KEPERLUAN WANITA MASA KINI

**AmAssurance Berhad buat julung kalinya memperkenalkan insurans khusus untuk wanita. AmBeautiful dan AmBeauty, disasarkan untuk pelbagai lapisan golongan wanita bagi memenuhi keperluan gaya hidup seharian wanita masa kini.**



AmBeautiful adalah polisi insurans unik yang menawarkan pemegangnya menikmati faedah dalam apa jua situasi, baik dan buruk pada semua peringkat usia. Pemegang polisi boleh memilih pelbagai jenis polisi perlindungan di bawah Polisi Faedah Asas dengan fleksibiliti menambah Faedah Pilihan. Dengan kepelbagaian tawaran pilihan faedah yang tersedia, AmBeautiful memberikan kebebasan fleksibiliti yang meluas selaras dengan keperluan peribadi selain terus berpeluang menikmati faedah selaras dengan peningkatan usia atau taraf kehidupan.

AmBeauty pula adalah pelan yang fokus kepada wanita yang bertugas di luar pejabat; suatu

pelan berkesan yang menawarkan perlindungan buat wanita yang menjalankan rutin tugas harian di luar. Sebagai contoh, sekiranya seorang ibu yang memegang polisi ini terabit dalam kemalangan, AmBeauty bertindak selangkah ke depan dengan menawarkan faedah tambahan, iaitu membayar upah khidmat pengasuh yang sedia ada atau membayar upah khidmat pembantu rumah.

"Wanita masa kini bukan sahaja menyumbang hampir 40 peratus kepada keseluruhan tenaga kerja di Malaysia malah mereka sekali gus memikul tuntutan tanggungjawab sebagai isteri, ibu, pengasuh, anak perempuan dan banyak lagi, lantas sudah tiba waktunya kami menawarkan ketenangan minda dan ketenteraman jiwa menerusi polisi perlindungan yang ditawarkan oleh AmBeautiful dan AmBeauty," kata Ketua Pegawai Eksekutif AmAssurance Berhad, Ng Lian Lu.



Tambah beliau, "dalam senario dunia kerjaya masa kini yang kian mencabar, waktu untuk merancang keperluan untuk kelihatan hebat, merasa selesa dan kekal sihat semakin suntuk. Dengan adanya AmBeautiful dan AmBeauty, setiap keperluan taraf kehidupan lebih terjamin dan wanita dapat menjalani kehidupan mereka dengan penuh makna."

AmBeautiful merangkumi empat pelan untuk dipilih oleh pemegang polisi. Ia akan dijual menerusi 4,000 tenaga agensi AmAssurance yang mantap dan dijangkakan dapat mencapai sekurang-kurangnya 10% dalam premium dagangan baru polisi hayat dengan sasaran RM77 juta.

Selain itu, pemegang polisi AmBeauty akan menikmati lapan tawaran pelan eksklusif yang menjadi teras utama produk Saluran Pasaran Langsung & Pasaran Talian AmAssurance (DM/TM). AmBeauty dijangka menyumbang 10% kepada perniagaan DM/DT AmAssurance dengan sasaran RM15 juta.

Ketika majlis pelancaran, tamu diraikan dengan penuh keriang, gelak tawa dan cabutan bertuah oleh rakan peserta produk gaya hidup seperti A Cut Above Hair Styling, RedBull, Majalah Her World, Citabela, EHI, T-Joue, Thomas & Guy, Michael & Guys Hair Salon, Aikido Yoshinkan Shudokan, Body Contours, Clark Hatch Fitness Center, Clipso HairArt Salon Sdn Bhd, Gold's Gym Kuala Lumpur, Hair Kunst, J.2 Hair Studio, Kimarie Hair Salons & Academy, MTH Salon, Peek-A-Boo, TNT Kick Boxing, Digi dan Celebrity Fitness.

Untuk maklumat lanjut tentang siri produk terbaru ini, layari laman web di alamat: <http://www.ambeautiful.com.my>, <http://lifesimplepleasures.com.my> atau <https://www.amassurance.com.my>

